



AMANAT DAN PERUTUSAN

2017



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir
Bin Mohd Ashraf,
Pengurus MySihat



Yb. Dr. Manimaran Krishnan
CEO MySihat

Tahun 2016 telah pun berlalu, pada kesempatan ini, masih belum terlewat untuk saya serta pucuk pimpinan yang terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif MySihat untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2017" kepada semua rakan-rakan NGO, jabatan, agensi-agensi dan rakyat Malaysia.

Tahun 2016 telah kita tinggalkan dengan melakarkan pelbagai peristiwa dan sejarah, sama ada yang manis ataupun pahit. Kami di MySihat sebagai peneraju promosi kesihatan di negara ini telah berusaha dengan segala upaya dalam memastikan amanah yang diberikan dilaksanakan dengan sehabis baik. Mengharungi cabaran sepanjang tahun 2016 yang lalu diharap akan dapat menjadikan MySihat terus berusaha dengan lebih gigih pada tahun 2017 ini.

Pada tahun 2016, beberapa kejayaan telah dilakar oleh MySihat secara kerjasama strategik antara rakan-rakan NGO Kesihatan, jabatan serta agensi dengan menjalankan beberapa program kepada rakyat. Tirai tahun 2016 yang lalu dibuka dengan MySihat terlibat secara proaktif dalam Pengisytiharan Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok (IKBAR) pada bulan Januari 2016. Program ini mendapat sokongan penuh oleh kerajaan negeri dengan dirasmikan oleh YAB Ust. Dato' Haji Ahmad Bin Yaakob, Menteri Besar Kelantan.

Di samping itu, MySihat juga telah melaksanakan pelbagai program yang memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat menerusi penglibatan NGO Kesihatan di setiap negeri melalui pelbagai instrumen seperti sukan dan rekreasi, kebudayaan dan sebagainya antaranya Program GOJES oleh Persatuan Diabetes Cawangan Negeri Sembilan yang menerapkan amalan cara hidup sihat melalui aktiviti fizikal kepada komuniti setempat serta pelbagai lagi aktiviti serta program NGO.

Majlis Anugerah & Pengiktirafan Kempen Blue Ribbon 2015 pula telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia pada 3 Jun 2016 (Jumaat). Manakala lebih daripada lima Bengkel Pembentukan Garis Panduan & Modul, Bengkel Bina Upaya Pengurusan Projek Promosi Kesihatan untuk NGO dan sebagainya telah dilaksanakan. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan MySihat untuk membantu masyarakat agar dapat mengubah persepsi, sikap dan perilaku terhadap kesihatan mereka. Antara program berkaitan yang mendapat sambutan hangat pada tahun 2016 adalah Program Fit & Cool.

Untuk pengetahuan semua, pada tahun 2017 ini terdapat pelbagai program/ aktiviti MySihat bersama rakan kongsi secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan pendekatan Public Private Partnership (PPP) antaranya Program "MySihat Run 2017", "Seminar Happy Workplace" Kolaborasi Bersama MySihat dan PERKESO serta pelbagai program lain yang bakal diadakan.

Ini adalah sebahagian usaha yang murni dan komited daripada MySihat serta rakan kongsi untuk menerajui dan bersama-sama mempromosikan dan menggalakkan amalan cara hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia bagi mengurangkan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). Kami berdoa dan sepakat ia dikekalkan, diperbaiki, dan ditambah nilai supaya pencapaian tahun 2017 ini akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara.

Terima Kasih..&
Selamat Tahun Baru

2017

ବ୍ୟାକ୍ ପାଇଁ
ଶୁଣିବାରେ ମହାନ୍ ଦେଖିବାରେ ମହାନ୍

SOL